

TEKS UCAPAN YB MENTERI - MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia / Salam Sehati Sejiwa.

1. Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua yang hadir ke Majlis Anugerah Inovasi Negara 2016 (AIN) pada malam ini.
2. Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, AIN adalah merupakan salah satu acara kemuncak yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam usaha memberi pengiktirafan kepada kejayaan pereka cipta dan inovator di negara kita.
3. Pengiktirafan ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda nasional khususnya bagi mentransformasikan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Bagaimana Inovasi Merealisasikan 'Society 5.0'

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kita kini berada di ambang Fourth (4th) Industrial Revolution. Kita perlu mengambil peluang daripada inovasi yang dibawa oleh disruptive technologies seperti nano-teknologi dan internet of things untuk meningkatkan kesediaan menghadapi era berkenaan.
5. Fourth (4th) Industrial Revolution adalah era di mana teknologi gabungan siber-fizikal akan bergantung kepada teknologi-teknologi yang lebih maju seperti teknologi nano, robotik, IoT dan BigData.
6. Baru-baru ini, saya diperkenalkan kepada konsep 'Society 5.0' masyarakat Jepun. Ini adalah respon Jepun dalam menghadapi perubahan yang dibawa Revolusi Industri Keempat.
7. Bagaimana pula dengan Malaysia? Bagaimana kita menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat dan bagaimana kita membina masyarakat kita pada masa depan?
8. Bagi saya, jawapannya adalah terletak pada bagaimana kita berfungsi secara berkesan dalam dunia baru ini.
9. Dunia baru ini akan melihat bagaimana keperluan yang berbeza dari pihak berkepentingan dipenuhi melalui ketersediaan barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam jumlah yang dikehendaki secara tepat pada masanya melalui pelbagai inovasi.
10. Sebahagian daripada inovasi penting termasuk sekuriti siber, internet untuk segala-galanya (IoT), data besar, (AI), teknologi peranti, inovasi rangkaian dan sebagainya. Di sebalik ini, teknologi asasnya adalah seperti robotik, teknologi sensor, bioteknologi, teknologi nano/bahan, teknologi kuantum/cahaya.

TEKS UCAPAN YB MENTERI - MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016

11. Justeru, sekiranya rakyat Malaysia mampu berinovasi dan memanfaatkan teknologi, kita boleh mewujudkan komuniti pintar yang boleh menyerlah dalam Revolusi Industri Keempat.
12. Bagi mencapai aspirasi ini, kita seharusnya percaya kepada teknologi tempatan dan semua perlu memainkan peranan masing-masing dan tidak perlu takut kepada kegagalan. Seperti yang dinyatakan oleh Thomas Edison "I have not failed. I've just found 10,000 ways that won't work."

Start-up

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Apa yang penting dalam usaha untuk merancakkan pembudayaan inovasi kepada masyarakat kita ialah kita harus ajar anak-anak kita, pewaris Negara kita, 'it is ok to fail'. Kegagalan adalah asas kejayaan.
14. Ini adalah perkara saya belajar semasa lawatan singkat saya ke Korea Selatan baru-baru ini.
15. Satu institusi baru dibawah Korea Advance Institute for Science and Technology atau KAIST yang dikenali sebagai KAIST Institute for Start-up harus dicontohi oleh kita dalam usaha membantu usahawan-usahawan berasaskan teknologi memceburi pasaran antarabangsa.
16. Untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di pelbagai sektor terutamanya untuk memacu sektor ekonomi pertumbuhan tinggi, tumpuan dan bantuan wajib harus diberikan ke atas startups – startups yang berasaskan teknologi canggih untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi global.
17. Adalah menjadi tanggungjawab kita di Kementerian ini untuk mengurangkan jurang cabaran yang sedang dihadapi oleh usahawan-usahawan startup kita, terutamanya dalam membina ekosistem yang menggalakan pertumbuhan start-up yang bermotivasi dan berdaya saing.

Siapa kata teknologi sektor awam tempatan kita tidak bertaraf dunia?

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Saban tahun, kita sering melihat bahawa pelbagai agensi kerajaan dan swasta berupaya memperkenalkan idea dan projek-projek inovasi. Melalui program AIN, MOSTI telah memberi ruang agar pelbagai produk yang dihasilkan dapat diketengah dan dipertandingkan.
19. Pada hari ini, kita menyaksikan dua syarikat terpilih sebagai finalis Anugerah Inovasi Negara 2016 dengan teknologi yang mereka perolehi daripada **universiti awam tempatan**.

TEKS UCAPAN YB MENTERI - MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016

20. **Anano Sphere Sdn Bhd (ASSB)**, menerima dana pengkomersialan CRDF daripada MOSTI melalui MTDC untuk mengkomersialkan teknologi yang dibangunkan oleh **Universiti Sains Malaysia, USM** pada tahun 2015.
21. Produk tersebut, **AnanoCoat™** adalah bahan salut dengan partikel Titanium Dioksida pada skala nano. Ananocoat membantu menangani masalah pencemaran persekitaran dalaman dengan cara menguraikan mikrob, bahan organik boleh meruap (VOC) dan lain-lain bahan cemar.
22. Hanya dalam tempoh setahun sejak perolehan teknologi, syarikat telah merekodkan jualan untuk Ananocoat™ **melebihi RM2 juta di Eropah** terutamanya Denmark. Disamping itu, syarikat juga menerima permintaan dari India, Timur Tengah, Australia dan Amerika Syarikat.
23. Manakala syarikat **Cell Tissue Technology Sdn Bhd** pula adalah syarikat yang ditubuhkan khusus untuk mengkomersialkan teknologi pengkulturan tisu kulit hasil R&D dari **Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM**.
24. Oleh kerana MyDerm baharu saja lulus ujian klinikal peringkat kebangsaan di UKM Medical Centre ia belum lagi merekodkan sebarang jualan namun ia telah berjaya menyelamatkan beberapa pesakit kes melecur yang kronik.
25. Sehingga kini, MyDerm telah menerima pengiktirafan daripada kepimpinan Barrack Obama apabila dianugerahkan sebagai pemenang MegaGIST Award oleh Global Innovation Through Science & technology melalui program CRDF Global. MyDerm juga telah diiktiraf sebagai Wealth Creator oleh Agensi Inovasi Malaysia.
26. Kita patut mengambil contoh kejayaan kedua-dua syarikat tempatan ini. Penerimaan serta pengiktirafan kedua-dua produk ini diperingkat antarabangsa merupakan suatu testimoni betapa teknologi yang dibangunkan oleh sektor awam terutamanya daripada university tempatan dari Malaysia dapat bersaing baik di pentas dunia.

MOSTI sebagai peneraju dan pemacu perubahan inovasi negara

Hadirin yang dihormati sekalian,

27. Untuk mencapai ekonomi digital, perancangan dan tindakan untuk menghadapi revolusi teknologi ini mestilah dibuat secara bersepadu dan menyeluruh dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan.
28. Dalam hubungan ini, saya menggesa penglibatan semua pihak agar menjadi "mantra" inovasi sebagai agenda utama melalui pewujudan persekitaran dan fasilitasi kondusif.

TEKS UCAPAN YB MENTERI - MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016

29. Institusi teknikal, pemain industri dan institusi kewangan adalah disarankan agar bersedia untuk berganding bahu bagi membimbing dan menerima hasil ciptaan inovasi untuk dipertingkatkan kualiti dan pematuhan standard tertentu.
30. Saya yakin bahawa dengan gandingan usaha ini, pastinya hasil karya reka cipta dan inovasi negara kita akan dapat menyaingi produk seumpamanya yang telah sedia ada di pasaran terbuka.
31. MOSTI sebagai peneraju dan pemacu perubahan inovasi negara sentiasa memberi galakan agar penglibatan semua pihak bagi menjamin pelaksanaan dasar makro dan sektoral STI secara terangkum dan bersepadu.
32. Dibawah kepimpinan saya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan memastikan ekonomi masa depan Negara dipacu oleh STI.
33. Agenda inovasi MOSTI akan membantu mewujudkan Malaysia yang dinamik dengan pembangunan ekonomi abad ke-21 yang berasaskan kepada sains dan teknologi.
34. Tentunya amanah ini lebih mencabar lagi dengan keadaan ekonomi yang tertekan berikutan kejatuhan harga minyak. Inilah cabarannya kepada MOSTI dan agensi-agensi untuk membuktikan keupayaan kita untuk mengoptimumkan kemudahan, bakat dan kepakaran sedia ada tetapi mampu memberi hasil yang lebih bermanfaat kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara.
35. Bermula pada tahun ini, MOSTI telah mempertingkatkan usaha menumpukan aspek inovasi sebagai salah satu pemacu perubahan (game changer) dan mampu menjana kekayaan serta meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.
36. Kerajaan telah menubuhkan National Science Council (NSC) pada tahun 2016 iaitu satu Majlis Tertinggi bagi pembangunan STI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Keputusan-keputusan utama Majlis ini akan dijadikan asas dalam penggubalan sesuatu dasar dengan mengambilkira elemen STI.
37. Manakala di bawah Rancangan Malaysia ke-11, Kerajaan telah merangka pendekatan baharu untuk menangani kelemahan dalam eko-sistem inovasi, memperbanyakkan lagi inovasi serta meningkatkan pulangan pelaburan dalam R&D&C&I.
38. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama dan kepercayaan di kalangan pihak yang berkepentingan.
39. Oleh yang demikian, suka juga saya berkongsi bahawa, Kerajaan Malaysia kini sedang dalam perancangan akhir untuk menubuhkan **Research Management Agency (RMA)** untuk menyelaras semua aktiviti R,D&C.

TEKS UCAPAN YB MENTERI - MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN) 2016

40. Ianya kini sedang dimuktamadkan dan saya yakin bahawa dengan penubuhan RMA ini pasti akan memberikan impak yang lebih besar ke atas agenda R,D,C&I negara pada jangka panjang.
41. Selanjutnya di peringkat MOSTI, Satu Pelan Induk STI Nasional juga sedang dirangka bagi menyediakan halatuju baru STI Negara untuk tempoh jangka sederhana dan jangka panjang. Pelan ini juga akan memastikan eko-sistem STI Negara akan berpaksikan kepada 'convergence of manpower and resources'.
42. Saya menaruh keyakinan bahawa, Pelan Induk STI Nasional yang dirangka secara bersepadu telah mengambilkira keseimbangan pelbagai sumber negara.
43. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa pembudayaan inovasi dapat dilaksanakan dengan menyeluruh bermula di samada di peringkat persekolahan sehinggalah kepada pemain industri di pelbagai sektor.
44. Negara kita juga kaya dengan hasil komoditi yang pastinya akan memberikan peluang dan ruang nilai tambah ke atas precision engineering dan reka bentuk perindustrian sedia ada. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui perkongsian pintar dan integrasi hasil penyelidikan dikalangan institusi penyelidikan negara.
45. Sebagai satu halatuju masa depan, saya bercita-cita agar MOSTI dapat mewujudkan satu platform '**open-resources database**' yang boleh dimanfaatkan oleh kesemua entiti dalam eko-sistem R&D di Negara ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

46. Saya ingin menyeru supaya pada tahun depan, tumpuan anugerah ini haruslah diberikan kepada produk – produk inovasi yang dapat menyelesaikan "practical economy problems".
47. Malahan ingin saya cadangkan untuk hadiah dan ganjaran wang tunai ditambah supaya untuk memartabatkan lagi Anugerah Inovasi Negara ke arah melahirkan masyarakat yang berinovasi dan juga untuk terus mempergiatkan usaha menyemarakkan budaya inovasi di pelbagai peringkat.
48. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang Anugerah Inovasi Negara 2016 serta finalis-finalis yang terpilih menjayakan AIN 2016. Kejayaan anda semua dalam bidang STI sesungguhnya akan menjadi contoh yang terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

& HALO MY !